

BAB 5

ANALISA SOSIO-EKONOMI DAN POLITIK KEMISKINAN KAUM INDIA

5.0. Pengenalan

Hasil daripada kajian yang dilakukan daripada Bab Empat adalah didapati bahawa kaum India adalah masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum Melayu dan Cina dari segi pencapaian ekonomi. Bab ini akan terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu pertama, untuk melihat mengapa kaum India masih lagi ketinggalan selepas tamatnya Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kajian akan dilakukan dengan melihat kepada sosio-ekonomi dan politik hasil daripada pendapat-pendapat daripada para penyelidik. Bahagian kedua adalah satu kes kajian untuk melihat mengapa kaum India tidak mampu memiliki saham. Secara amnya, ketidakmampuan mereka memiliki saham adalah disebabkan kerana taraf hidup yang rendah dan miskin. Bahagian akan ini melihat secara terperinci bagaimana masyarakat India secara umumnya tidak mampu memilik saham dan ahli-ahli koperat atau pengusaha tidak mampu bersaing dalam perniagaan.

5.1. Faktor-faktor Masyarakat India Malaysia Ketinggalan

Bahagian ini melihat faktor-faktor yang menyebabkan masyarakat India Malaysia tidak berjaya meningkatkan taraf hidup mereka selepas 20 tahun perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Di antara faktor-faktor yang dilihat adalah faktor sejarah, faktor sosial dan faktor ekonomi. Kajian ini akan berlandaskan kepada pendapat penyelidikan-penyelidikan yang telah dilakukan.

5.1.1. Faktor Sejarah

Melihat kepada faktor sejarah, dasar pecah dan perintah yang telah diamalkan oleh penjajah British telah memberi kesan kepada kaum India. Kaum India di telah diambil bekerja di ladang-ladang, menjalankan kerja-kerja pentadbiran awam peringkat bawahan dan kerja-kerja am. Majoriti daripada mereka adalah buruh-buruh di ladang-ladang getah yang terletak di kawasan pendalaman sejak dari zaman penjajah. Oleh kerana sebelum ini mereka hanya datang untuk bekerja beberapa tahun dan selepas itu kembali semula ke tanah air mereka, maka mereka tidak membuat sebarang pelaburan yang berfeadah.

Pekerja-pekerja ladang India yang bekerja di ladang-ladang adalah warisan daripada keluarga mereka. Anak-anak mereka akan mengikuti jejak langkah ibubapa mereka untuk bekerja di ladang-ladang. Ia telah menjadi satu lingkaran sosial ekonomi mereka yang berpunca daripada dasar penjajah British. Mereka tidak berpeluang untuk mengikuti arus perkembangan ekonomi negara. Ini seterusnya menyebabkan kaum India tidak mendapat peluang-peluang ekonomi dan sosial yang diingini kerana disekat secara tidak langsung. Di antara peluang-peluang itu adalah pekerjaan di sektor-sektor lain yang lebih produktif yang dapat meningkatkan pendapatan, pendidikan yang lebih sempurna dan pemilikan harta. Ini lebih dikenali sebagai "putaran ganas kemiskinan". Mereka tidak dapat keluar dari putaran tersebut kerana peluang-peluang yang terhad.

Pihak British yang mengamalkan dasar-dasar pemerintahan secara tidak langsung telah merendahkan status kaum India dan berkuasa sepenuhnya ke atas mereka. Perasaan rendah diri ini menyebabkan kaum India tidak mampu bersuara di dalam menuntut hak mereka. Perkara ini terus menjadi budaya kaum India sehingga kini di mana mereka masih tidak mampu bersuara untuk mendapatkan hak mereka.

Kaum Cina pula adalah berlainan dengan kaum India di mana mereka sangat lantang bersuara di dalam menuntuk hak-hak mereka. Manakala kaum Melayu pula dibantu oleh kerajaan. Ini telah menyebabkan masyarakat India terus ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain.

5.1.2. Faktor Sosial

Faktor sosio-budaya seperti yang dikemukakan oleh Insan¹ mendapati bahawa latarbelakang kelas pekerja India adalah hasil daripada budaya kemiskinan yang dikategorikan melalui ciri-ciri berikut:


- a) kurang tanggungjawab keluarga
- b) kurang kehormatan diri
- c) ketagih arak
- d) kurang kerjasama masyarakat²

Kesemua ciri-ciri tersebut saling berkaitan dan seterusnya mengakibatkan kepada masalah ekonomi yang teruk yang dialami oleh masyarakat India. Ini dapat ditunjukkan melalui Rajah 5.1 (juga terdapat dalam Bab 1).

Melalui rajah 5.1, didapati bahawa faktor-faktor seperti kurang tanggungjawab kekeluargaan, ketagih arak, pencapaian pendidikan yang rendah, tiada satu budget yang baik, pengangguran, upah yang rendah, kurang simpanan, kerjasama di antara masyarakat yang kurang membawa kepada keadaan masyarakat yang hidup melarat dan terdesak. Faktor-faktor ini saling berkaitan di antara satu sama lain. Secara umumnya, ini adalah satu budaya kemiskinan kaum India Malaysia.

¹ Insan, *Sucked Oranges: The Indian Poor in Malaysia*, Kuala Lumpur, 1989, ms. 26.

² Ibid.



Rajah 5.1
Sosial-Ekonomi Kemiskinan Kaum India

Sumber: Insan, *Sucked Oranges: Indian Poor In Malaysia*, Kuala Lumpur, 1989, ms. 26.

Faktor-faktor sosial seperti yang disebutkan di atas membawa kepada masalah sosial yang lain seperti kejadian bunuh diri (Jadual 5.1) dan memukul anak dan isteri. Keadaan hidup yang melarat dan tidak teratur memberi kesan psikologi kepada masyarakat India dan seterusnya menyebabkan berlakunya kejadian bunuh diri dengan kadar yang tinggi jika dibandingkan dengan kaum lain.

Jadual 5.1 menunjukkan kadar kes bunuh diri mengikut kaum dari tahun 1986 hingga 1990. Daripada jadual tersebut adalah didapati bahawa kadar bunuh diri di kalangan masyarakat India adalah paling tinggi jika dibandingkan dengan kaum Cina dan Melayu. Kes bunuh diri masyarakat India bagi kedua-dua jantina adalah berjumlah 670 kes. Ini adalah salah satu daripada statistik yang membuktikan bahawa masyarakat India menghadapi tekanan hidup yang teruk jika dibandingkan dengan masyarakat lain. Selain daripada itu kes memukul anak dan isteri juga sering terjadi.

Salah satu kes bukan sahaja memukul anak tetapi mendera hingga mati iaitu adik Balasingam telah membuktikan perkara ini.

Jadual 5.1
Bilangan Kes Bunuh Diri Mengikut Kaum
Dari 1986 hingga Mac 1990

Kumpulan Etnik	Lelaki	Wanita	Jumlah %	Peratus lelaki/Wanita
Melayu	62	40	102 8.9	60.8 39.2
Cina	179	127	306 26.6	58.5 41.5
India	377	293	670 58.3	56.3 43.7
Lain-Lain	40	31	71 6.2	56.3 43.7
Jumlah	658	491	1149 100	100 100

Sumber: *Malay Mail*, 18 Ogos 1990

5.1.3. Faktor Ekonomi

Dari segi ekonomi, walaupun secara umumnya pendapatan semua kaum telah meningkat selepas tamatnya perlaksanaan DEB, tetapi inflasi telah menyebabkan kuasa beli masyarakat India menurun. Jumlah upah yang diterima walaupun lebih tinggi sekarang tetapi adalah tidak mencukupi.

Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan oleh kerajaan adalah untuk membantu masyarakat Bumiputera yang ketinggalan dari segi ekonomi tanpa menindas lain-lain kaum telah menyebabkan masyarakat India tidak mampu berdikari secara bersendirian. Masyarakat India jika dibandingkan dengan kaum Cina adalah jauh ketinggalan seperti kaum Bumiputera sebelum perlaksanaan DEB. Ini menyebabkan mereka tidak mampu bersaing untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Satu kajian yang menarik perhatian telah dilakukan oleh Sivalingam.³ Beliau menyatakan terdapat empat sebab utama mengapa masyarakat India masih lagi ketinggalan.⁴ Pertama, ketidaksamaan atau ketidakseimbangan peluang-peluang yang diperolehi dan halangan-halangan untuk memasuki aktiviti-aktiviti ekonomi Malaysia yang sedang berkembang. Kedua, wujudnya diskriminasi di antara kaum dalam menikmati peluang-peluang pekerjaan yang menyebabkan mereka terus kekal menjalankan pekerjaan-pekerjaan atau aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan pendalam. Ketiga, faktor-faktor persekitaran masyarakat India itu sendiri seperti kebudayaan telah menyebabkan masyarakat India menjadi kurang produktif, simpanan yang kurang, membuang masa dan lain-lain. Faktor yang terakhir dasar kerajaan yang berusaha memajukan masyarakat Melayu dengan menetapkan kuota-kuota perkauman dalam pekerjaan, pendapatan dan kekayaan mengikut proses politik dan bukan melalui pasaran. Masyarakat India mempunyai kurang kuasa menawar dalam politik kerana mereka adalah kumpulan minoriti.⁵

Beliau mendapati bahawa pola pekerjaan masyarakat India mengikut sektor dan jenis pekerjaan tidak selaras dengan nisbah jumlah orang India di Malaysia kepada penduduk-penduduk lain. Walaupun DEB dibentuk untuk memperbetulkan ketidakseimbangan ini tetapi didapati bahawa ia tidak berjaya dan beliau mendapati bahawa ia jauh menyimpang daripada nisbah yang sepatutnya dinikmati oleh semua kaum.⁶

Dari segi sektoral, masyarakat India telah menerima lebih daripada hak mereka dalam sektor pertanian, pengangkutan dan pembinaan (terutama pekerja tidak

³ Sivalingam, A. 1993. "Economic Problems and Challenges Facing the Indian Community in Malaysia." *Indian Communities In Southeast Asia*. Ed. Sandhu, K.S. dan A. Mani, Singapore: ISEAS & Times Academic Press, ms. 388-404.

⁴ Ibid., ms. 388.

⁵ Ibid., ms. 388-389.

⁶ Ibid., ms. 389.

berskil), dan menerima kurang daripada apa yang diperlukan oleh mereka dalam sektor utiliti dan perdagangan.⁷ Dari segi pekerjaan, kumpulan peringkat tinggi bagi pekerja India semakin berkurangan atau kalau adapun peningkatannya adalah sangat rendah. Kebanyakan pekerjaan yang dilakukan oleh majoriti masyarakat India adalah pekerjaan am atau tidak berskil seperti pekerjaan yang menawarkan upah yang rendah. Kebanyakan daripada masyarakat India yang bekerja di ladang-ladang tidak mendapat upah yang baik jika dibandingkan dengan produktiviti mereka. Keadaan estet-estet yang tidak sempurna dari segi kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan, elektrik, air dan telefon menyebabkan masyarakat India ketinggalan dari segi taraf hidup. Pekerja ladang yang memerlukan pendapatan purata RM300 sebulan atau di antara RM10 - RM12 sehari. Pendapatan ini adalah mustahil bagi mereka untuk menikmati kehidupan yang sempurna. Ini ditambah pula dengan kehadiran buruh-buruh asing yang menawarkan upah yang rendah untuk bekerja di ladang-ladang menyebabkan tuntutan mereka untuk upah yang tinggi tidak berjaya.

Masyarakat India juga diketahui umum mengharapkan pekerjaan yang memberikan jaminan seperti jawatan-jawatan di sektor awam. Ini berlainan dengan masyarakat Cina yang sanggup mengambil risiko dengan melibatkan diri mereka dalam sektor-sektor swasta. Melalui perkembangan ekonomi negara yang pesat dengan mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi lebih 8 peratus setahun sejak lapan tahun kebelakangan ini, sektor swasta telah membuka peluang-peluang untuk mendapatkan pekerjaan dengan menawarkan gaji yang lumayan. Ini adalah sangat merugikan kepada masyarakat India yang kebanyakannya tidak berskil terlepas peluang memasuki pasaran pekerjaan di sektor swasta yang sedang menawarkan gaji yang tinggi.

Di sini, pendidikan memainkan peranan penting di mana kaum India yang berada dalam paras pendapatan rendah kini mengalami masalah kewangan untuk

⁷ Ibid.

menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri.⁸ Kerajaan telah menyatakan bahawa satu Tabung Khas akan diwujudkan bagi kaum India dengan maksud menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka.⁹ Dengan menghantar anak-anak mereka ke luar negeri, maka akan wujud ramai tenaga terlatih dalam bidang profesional yang sekarang sangat kurang di kalangan masyarakat India. Kaum Melayu dan Cina tidak menghadapi sebarang masalah kerana bantuan kerajaan dan kedudukan ekonomi mereka yang teguh.

Seperti yang dibincangkan dalam bab yang lepas, kadar keciciran di kalangan pelajar India adalah sangat tinggi. Ini ditambah pula dengan kadar enrolmen pelajar India di sekolah-sekolah yang rendah. Pengambilan pelajar-pelajar India ke institusi pengajian tinggi adalah sangat rendah dan tidak mengikut nisbah jumlah keseluruhan penduduk India Malaysia.

5.2. Kes Kajian Pemilikan Ekuiti

Penyertaan masyarakat India dalam sektor perniagaan kebanyakannya adalah kecil. Penglibatan mereka dalam sektor perdagangan berskil besar dan moden dan syarikat-syarikat kewangan masih lagi kurang. Ini telah dibuktikan dengan hakmilik ekuiti yang kekal pada paras satu peratus.

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini adalah seperti berikut:

- a) Kemiskinan
- b) Kurang mendapat maklumat yang lengkap temtang pasaran
- c) Kekurangan simpanan wang
- d) Kesukaran mendapat pinjaman kewangan

⁸ Majlis Perundingan Ekonomi Negara, Kuala Lumpur, ms. 259.

⁹ Ibid.

- e) Tiadanya mekanisma seperti Amanah Saham dan Permodalan Nasional Berhad untuk membantu masyarakat India Malaysia.

5.2.1. Kemiskinan

Sebagaimana yang diketahui hampir 60 hingga 70 peratus kaum India tinggal di estet-estet. Kebanyakan daripada mereka bekerja di ladang-ladang dengan mendapat upah yang rendah. Ini telah menyebabkan mereka tidak mampu memiliki saham-saham.

Kemiskinan adalah salah satu faktor utama mengapa pemilikan saham di kalangan kaum India Malaysia masih kekal pada paras 1 peratus. Kemiskinan kaum India Malaysia telah wujud sejak dari kedatangan mereka ke Tanah Melayu apabila dibawa oleh penjajah British untuk bekerja di ladang-ladang getah.

Mereka telah ditempatkan di kawasan-kawasan pendalaman dengan dibayar upah yang cukup untuk makan sahaja. Upah yang rendah diterima oleh pekerja estet telah menyebabkan mereka tidak dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka. Kadar upah yang diterima oleh mereka juga semakin menurun disebabkan oleh inflasi yang sentiasa melanda negara ditambah pula dengan harga getah yang tidak tetap kerana bergantung kepada permintaan dunia.

Majikan di estet memberi upah yang rendah kepada para pekerja estet supaya pekerja-pekerja tersebut terus tinggal dalam keadaan kemiskinan. Ini akan menyebabkan mereka terus bergantung kepada majikan mereka dan seterusnya pekerja-pekerja ini tidak akan meninggalkan pekerjaan di estet.

5.2.2. Simpanan

Majoriti kaum India yang miskin tidak dapat membuat simpanan yang mencukupi. Kehidupan mereka yang daif telah menyebabkan mereka terpaksa memberi keutamaan terhadap perkara yang penting dalam kehidupan mereka seperti makanan. Mereka tidak dapat menyimpan wang selama mereka bekerja. Selepas mencapai umur persaraan, kebanyakannya daripada mereka tidak dapat memiliki rumah sendiri dan ini menyebabkan mereka terus bekerja sebagai buruh kontrak dengan bayaran gaji harian yang rendah.¹⁰

Adalah didapati keupayaan pelaburan kaum mungkin akan semakin berkurangan dengan kadar simpanan adalah di bawah purata 20 hingga 30 peratus daripada Keluaran Negara Kasar.¹¹ Satu-satunya simpanan yang diperolehi oleh kaum India adalah melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), iaitu simpanan wajib untuk semua pekerja dan premium insuran.

Setengah penyelidik menyatakan bahawa simpanan pekerja India adalah kurang kerana rancangan belanjawan yang tidak baik, perbelanjaan terhadap minuman keras dan barang pengguna berharga tinggi.¹² Walau bagaimanapun, sebab utama kurangnya simpanan adalah kerana upah yang rendah diterima oleh pekerja-pekerja ladang. Upah yang rendah ini telah bermula sejak dari zaman penjajahan British hingga kini. Kadar upah pekerja-pekerja ladang tidak meningkat mengikut kenaikan produktiviti. Walaupun kesatuan sekerja cuba meminta gaji

¹⁰ D. Jeyakumar, "The Indian Poor In Malaysia: Problems and Solutions." Kertas dibentangkan pada seminar Modernisasi dan Keperibadian Budaya-Bangsa ajuran Persatuan Sains Sosial Malaysia, Universiti Malaya, 10-12 Januari 1983, ms. 8.

¹¹ Sivalingam, A. 1993. "Economic Problems and Challenges", ms. 395

¹² Ibid., ms. 9.

minima tetapi tidak berjaya. Oleh sebab itu adalah mustahil mereka dapat membuat simpanan yang sempurna.

Selain daripada kadar upah yang rendah bagi pekerja-pekerja ladang, kadar inflasi yang tinggi telah menyebabkan harga barang telah meningkat jika dibandingkan dengan upah mereka yang kekal. Mengikut pada C.P.I, purata kadar inflasi bagi 20 tahun yang lepas adalah 6 peratus setahun. Upah yang rendah yang diterima oleh pekerja India dan kadar inflasi yang tinggi telah menyebabkan pendapatan benar mereka telah berkurangan. Ini seterusnya menyebabkan mereka tidak dapat membuat simpanan.

Kekurangan simpanan wang tidak membolehkan mereka memiliki sebahagian daripada estet-estet yang telah dikerjakan oleh mereka. Sebagai contoh penawaran saham-saham oleh kumpulan Guthrie Berhad kepada pekerja ladang India. Kumpulan ini telah menawarkan 1000 saham untuk setiap pekerja yang berjumlah 16000 pada keseluruhannya di dalam 56 buah estetnya pada harga RM2.10 sesaham. Laporan¹³ menunjukkan bahawa kebanyakan pekerja-pekerja tersebut tidak mampu membeli saham tersebut dan sebaliknya telah memindahkan hak milik saham-saham mereka kepada pelabur-pelabur swasta.

Selain daripada itu, hampir 64,000 pemilik saham Maika Holdings yang telah melabur tidak mendapat pulangan yang sewajarnya daripada pelaburan mereka. Kini nilai saham mereka hanya berharga dalam lingkungan RM1.30 seunit sahaja walaupun pelaburan telah dilakukan sejak lebih 10 tahun yang lalu. Kebanyakan daripada mereka telah mendapat pinjaman bank untuk membeli saham tersebut.

Walaupun masyarakat India telah bergiat lama dalam bidang pinjaman wang, tetapi aktiviti mereka semakin tidak mendapat pulangan yang baik kerana tidak ada

¹³ *The Star*, 26 June 1989.

usaha-usaha untuk memperbaiki perkhidmatan mereka seperti pembukaan syarikat-syarikat kewangan atau bank-bank.

5.2.3. Kurang Mendapat Maklumat yang Lengkap mengenai Pasaran

Keadaan persekitaran estet-estet yang terletak jauh di pendalamatan telah menyebabkan pekerja-pekerja di sana kurang mendapat maklumat mengenai saham-saham. Ini ditambah pula dengan taraf pendidikan yang rendah menyebabkan mereka tidak memahami cara kerja saham.

Kedudukan estet yang jauh dari bandar telah menyebabkan kaum India yang tinggal di ladang-ladang tidak mendapat penerangan yang sewajarnya. Jika saham-saham baru yang dilancarkan, kaum India adalah kaum yang tidak berasas baik kerana kedudukan mereka yang jauh dari bandar. Keadaan ini menyulitkan mereka pergi ke bank-bank untuk membuat urusan pembelian saham-saham. Mereka terpaksa mengambil cuti jika hendak pergi ke bandar. Ini menyebabkan mereka hilang pendapatan pada hari tersebut. Mereka juga tidak mendapat tahu keadaan harga pasaran saham tersebut dengan cepat. Ini boleh menyebabkan mereka menjadi kumpulan yang tidak berasas baik apabila harga pasaran naik mereka dan mereka tidak menjualnya.

5.2.4. Kesukaran Mendapat Pinjaman Kewangan

Untuk membeli saham-saham memerlukan wang yang banyak dan risiko yang tinggi. Walau bagaimanapun, jika saham-saham itu adalah saham awam maka risikonya adalah lebih rendah. Jika sesuatu saham ditawarkan sama ada oleh pemilik ladang atau kerajaan, kebanyakannya daripada mereka tidak berwang. Salah satu jalan untuk mengatasi masalah ini adalah untuk mendapatkan pinjaman jangka pendek dari

bank-bank. Walau bagaimanapun dengan latar belakang pendapatan yang tidak tetap menyebabkan pekerja-pekerja ladang sukar mendapat pinjaman daripada bank-bank.

Keadaan ini bukan sahaja dialami dalam pinjaman untuk membeli saham, tetapi juga pinjaman untuk membeli rumah-rumah, menjalankan perniagaan dan lain-lain lagi adalah sukar kerana pendapatan yang rendah dan tidak tetap.

5.2.5. Kurang Bantuan Kerajaan

Kerajaan melalui program-programnya dalam Dasar Ekonomi Baru telah berjaya mencapai objektifnya di dalam penyusunan semula ekuiti koperat bagi kaum Bumiputera. Hakmilik modal saham bagi Bumiputera perseorangan dan agensi amanah dalam syarikat berhad bagi tahun 1970 hanyalah 2.4 peratus sahaja iaitu 1.6 peratus bagi Bumiputera perseorangan dan 0.8 peratus bagi agensi amanah. Pada tahun 1988, Bumiputera perseorangan dan agensi amanah memiliki 19.4 peratus meliputi 13.0 peratus oleh Bumiputera perseorangan dan 6.4 peratus oleh ajensi pemegang amanah.

Kejayaan ini adalah hasil dari kejayaan Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham. Kaum India tidak berasas baik kerana tiadanya ajensi-ajensi tersebut khususnya bagi kaum India Malaysia jika dibandingkan dengan Bumiputera. Kaum India juga seperti Melayu adalah kaum yang miskin jika dibandingkan dengan kaum Cina. Oleh sebab itu ajensi-ajensi tersebut adalah penting bagi membantu kaum India dalam sektor koperat. Tanpa usaha-usaha bagi mewujudkan ajensi-ajensi seperti Amanah Saham dan Permodalan Nasional Berhad adalah sukar bagi kaum India untuk meningkatkan pemilikan modal saham mereka dalam sektor tersebut.

Permodalan Nasional Berhad adalah sebuah institusi pelaburan bagi kaum Bumiputera yang telah ditubuhkan pada tahun 1978 dengan modal berbayar RM100 juta. Kejayaan mereka adalah hasil daripada tanggungjawab mereka di dalam

menggalakkan dan menjaga kepentingan masyarakat bumiputera bagi memastikan kedudukan mereka di tempat yang sebenar dalam ekonomi negara. Pelaburan yang dilakukan hasil daripada sumber-sumber Bumiputera telah digunakan dengan sebaiknya.

Amanah Saham Nasional adalah satu skim yang unik yang membolehkan segenap golongan dan lapisan individu Bumiputera menyertainya. Skim ASN telah dilancarkan pada bulan April, 1981 untuk menggembeling simpanan modal Bumiputera untuk dilaburkan di dalam syarikat-syarikat yang teguh dan kukuh. Sejak Skim ASN dilancarkan sehingga 31 Januari 1990, ia telah berjaya menarik seramai lebih daripada 2.4 juta individu Bumiputera melabur di dalamnya dengan jumlah pelaburan bersih bernilai lebih daripada RM6,236 juta.

Di dalam Skim Amanah Saham Bumiputera, semua Bumiputera yang berkelayakan dapat menyertainya dengan jumlah minimum RM10.00. Sejumlah 50,000 unit dihadkan kepada setiap memegang unit, supaya tidak seorang akan mendapat faedah daripada Skim dengan pengurangan peluang pemegang-pemegang unit yang lain. Melalui cara ini, ia memberi peluang kepada semua individu Bumiputera untuk menyertai skim tersebut dengan lebih adil terutamanya Bumiputera miskin.

Daripada penerangan di atas menunjukkan bagaimana kerajaan melalui program-programnya berjaya meningkatkan penyertaan kaum Bumiputera dalam sektor koperat setelah ketinggalan begitu jauh dalam tahun 1970. Masyarakat India Malaysia juga telah cuba memperbaiki kedudukan dengan penglibatan Kongres India Malaysia (MIC) di dalam membantu golongan India meningkatkan penyertaan mereka dalam sektor koperat dengan penubuhan ajensi-ajensi seperti MAIKA Holdings Berhad, MIC Unit Trust dan Sampoorna Holdings.

5.3. Pelaburan

Jika terdapat pelaburan yang menggalakkan oleh kaum India dalam sektor koperat maka pemilikan kaum India akan meningkat lebih daripada 1 peratus yang wujud sekarang. Walau bagaimanapun, timbul persoalan di sini siapakah di antara mereka yang boleh melabur. Bagi kaum India yang tinggal di bandar iaitu Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, kajian MBA yang dijalankan oleh Lim Chin Fong (1992) terhadap 192 responden pemilik saham yang tinggal di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, 6 peratus adalah terdiri dari kaum India, 75 peratus Cina dan 19 peratus Melayu. Dari segi pendapatan hampir 63 % responden berpendapatan hampir RM3,000 sebulan dan yang berpendidikan universiti adalah 78 % responden. Ini membuktikan bahawa pemilik saham persendirian oleh masyarakat India adalah sangat rendah dan majoriti mereka yang melabur dalam saham-saham ini adalah golongan-golongan yang berpendapatan tinggi. Masyarakat India yang berpendapatan tinggi adalah sangat kurang. Kebanyakan daripada masyarakat India bekerja untuk pendapatan rendah

Jika terdapat kaum India yang mempunyai pendapatan tinggi sama ada bekerja di sektor swasta atau sektor awam, kebanyakan daripada mereka memiliki rumah dan kereta. Mereka membeli rumah dan kereta dengan menggunakan pinjaman bank atau kerajaan dengan tempoh pembayaran balik sehingga 30 tahun. Kita andaikan gaji yang diterima bagi golongan berpendapatan tinggi adalah RM2,000 hingga RM4,000 sebulan iaitu di sektor swasta seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 3.12 yang berjumlah 1,470 orang kaum India, mereka terpaksa membuat pembayaran perumahan di mana mengikut peraturan bank adalah 1/3 daripada gaji bulanan selama 30 tahun. Dan pembayaran balik kereta bagi 60 bulan diandaikan dalam lingkungan RM800 sebulan. Ini diikuti pula dengan perbelanjaan harian rumah, kos penjagaan kereta, pendidikan anak-anak dan lain-lain lagi. Ini menyebabkan pendapatan mereka semakin berkurangan untuk membuat pelaburan dalam saham-saham. Keadaannya

adalah sama bagi pegawai-pegawai kategori A di sektor kerajaan. Gaji yang diterima oleh mereka adalah kurang sedikit daripada sektor swasta.

Jika pegawai-pegawai bergaji tinggi tidak dapat melabur, bagaimana pula dengan pekerja estet yang menerima upah yang rendah dengan anak-anak yang ramai. Keadaan pekerja estet adalah lebih mustahil kepada mereka untuk membuat pelaburan dalam sektor koperat.

Oleh sebab itu boleh dikatakan bahawa pemilikan 1 peratus kaum India Malaysia dimiliki oleh kaum India yang sangat kaya. Mereka ini adalah terdiri dari usahawan-usahawan besar, ahli-ahli profesional dalam sektor swasta.¹⁴

Daripada analisa di atas timbul pula persoalan bagaimana kaum India miskin boleh mendapat keuntungan apabila terdapatnya peningkatan dalam sektor koperat. Sekiranya, golongan kaya kaum India membuat pelaburan yang tinggi dalam sektor koperat, maka akan wujud peningkatan dalam pemilikan daripada 1 peratus. Jika angka ini telah meningkat bagaimana kaum India miskin mendapat faedah. Dari segi statistik, peningkatan 1 peratus ini akan menunjukkan peningkatan pendapatan isirumah kaum India. Walau bagimanapun, dalam keadaan sebenar tidak akan menunjuk peningkatan dalam isirumah sebenar kaum India. Ini adalah kerana hampir 94 peratus daripada kaum India yang berpendapatan rendah dan tinggi tidak menerima apa-apa faedah daripada peningkatan nilai pemilikan ini. Hanya golongan-golongan kaya India di mana bilangan mereka yang kecil terus menjadi kaya manakala majoriti kaum India miskin terus kekal miskin.

Dari segi pelaburan sektor swasta, masyarakat perdagangan India kebanyakannya adalah bersifat tradisional, berorientasikan keluarga mereka sahaja dan secara kecil-kecilan. Mereka tidak memberi peluang kepada orang asing

¹⁴ Jeyakumar, "The Indian Poor In Malaysia," ms. 27.

memasuki perniagaan mereka secara kerjasama untuk memodenkan perniagaan mereka. Mereka tidak menggalakkan perniagaan mereka dijalankan oleh ahli-ahli profesional. Ini menyebabkan perniagaan terus dijalankan secara tradisional dan perniagaan mereka tidak berkembang dengan baik.

Terdapat beberapa syarikat-syarikat yang besar seperti National Land Finance Co-operative Society (NLFCS), Malaysian Co-operative Insurance Society (MCIS), NESA Multipurpose Co-operative Society, United Asian Bank (UAB), United Oriental Assurance, South East Asia Insurance, Globe Silk Store dan lain-lain syarikat milik persendirian seperti Tafe College. NLFCS, NESA, MCIS dan Koperasi Pekerja Jaya telah ditubuhkan sebagai koperasi yang mengumpul sumber wang daripada pelabur-pelabur kecil dan melakukan pelaburan-pelaburan yang memberikan pulangan yang besar. Walau bagaimanapun, adalah didapati bahawa kini koperasi-koperasi tersebut tidak berjaya memberikan pulangan seperti yang diharapkan. Ini termasuk Maika Holdings yang mempunyai lebih 66,000 orang ahli tetapi pulangan yang diperolehi adalah tidak menguntungkan.

Menurut satu laporan, Maika Holdings sedang bercadang untuk menenaraikan UOA di Bursa Saham Kuala Lumpur dalam tempoh masa tiga tahun.¹⁵ Jika disenaraikan, Maika Holding harus melepaskan aset-aset yang dipegang sekarang untuk UOA. Di antara aset-aset yang boleh digunakan adalah Tumbuk Estate di Sepang. Pada akhir tahun 1994, nilai pasaran terbuka aset tersebut adalah berjumlah RM22 juta.¹⁶ Pasamanickam menyatakan langkah telah diambil untuk menukar status daripada tanah tersebut daripada tanah pertanian kepada perindustrian, komersial dan kawasan penduduk.¹⁷ Projek pembangunan yang dilakukan adalah bersecara kerjasama (joint-venture). Jika projek yang dicadangkan

¹⁵ Malaysian Business, June 1, 1995. ms. 24.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

itu dilaksanakan dengan baik, Maika Holdings boleh mengharapkan satu pulangan yang besar di masa hadapan.

5.4. Kesimpulan

Analisa sosio-ekonomi menunjukkan bahawa keadaan sosial masyarakat India yang tidak teratur atau terurus. Ini membawa kepada anak-anak mereka tidak mendapat pendidikan yang sempurna dan terus menyambung pekerjaan ibubapa mereka yang memberikan pendapatan yang tidak tetap dan sempurna. Mereka tidak dapat keluar daripada Lingkaran Ganas Kemiskinan. Terdapat banyak masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India antara lain adalah seperti ketagih arak dan tiada kehendak memajukan diri mereka. Masalah-masalah ini membawa kepada kes-kes bunuh diri yang tinggi di kalangan kaum India.

Pelaburan-pelaburan yang dilakukan oleh Maika Holdings Bhd tidak memberikan keuntungan yang baik kepada hampir 66,000 pemilik saham terutamanya daripada pekerja-pekerja ladang.¹⁸ Maika Holdings Bhd yang bertanggungjawab meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India daripada satu peratus tidak berjaya dalam usaha mereka. Kebanyakan daripada pekerja-pekerja ladang yang miskin telah mendapatkan pinjaman daripada United Asian Bank untuk melabur dalam Maika Holdings Bhd tetapi hingga hari ini nilai harga hanya meningkat sebanyak 30 sen sahaja. Adalah dianggarkan hampir 17,000 daripada pemilik saham kini tidak dapat membayar hutang mereka dengan UAB (kini dikenali sebagai Bank of Commerce) menghadapi tindakan undang-undang bersama Samy Vellu kerana beliau adalah penjamin kepada mereka dalam usaha bank tersebut mendapatkan semula RM17 juta.¹⁹

¹⁸ Philip, Koshy. "Maika Unmakes Itself", *Malaysian Business*, June 1-15, 1992. ms. 26.

¹⁹ Ibid.

Dasar Ekonomi Baru tidak memberi peluang kepada masyarakat India bersama menikmati feadah-faedah yang disediakan melalui pengenaan kuota-kuota tertentu seperti dalam pendidikan, lesen-lesen, kontrak, tender dan lain-lain. Masyarakat India yang ketinggalan dari segi pencapaian sosio-ekonomi tidak dapat bersaing dengan masyarakat Cina yang telah lama bergerak dalam ekonomi, manakala masyarakat Melayu yang ketinggalan sebelum DEB mendapat layanan istimewa daripada kerajaan. Ini menunjukkan ketidakikhlasan kerajaan dalam dasar-dasar kerajaan khususnya DEB apabila merujuk kepada etnik.